



**GARISPANDUAN BERKAITAN PENGECUALIAN CUKAI KE ATAS
PEMBERIAN ATAU SUBSIDI (*GRANT*) DAN PENDAPATAN
PIHAK BERKUASA BERKANUN**

1. **PENGENALAN**

Garis panduan ini adalah untuk menerangkan pengecualian cukai ke atas pemberian atau subsidi dan pendapatan Pihak Berkuasa Berkanun. Sebelum tahun taksiran 2002, pemberian atau subsidi yang diterima oleh mana-mana orang daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan pendapatan Pihak Berkuasa Berkanun dikecualikan cukai melalui Perintah Cukai Pendapatan (PCP) yang diwartakan secara berasingan. Mulai tahun taksiran 2002, pengecualian ini diberi melalui satu PCP yang umum iaitu PCP (Pengecualian) (No 4) 2003 dan kemudian digantikan dengan PCP (Pengecualian) (No 22) 2006.

2. **PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS PEMBERIAN ATAU SUBSIDI**

2.1 **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 4) 2003**

- (a) PCP ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2002 hingga 2005.
- (b) Di bawah PCP ini, pengecualian cukai diberi pada peringkat pendapatan berkanun kepada mana-mana orang yang menerima pemberian atau subsidi daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.
- (c) Contoh pengiraan cukai adalah seperti di bawah

Langkah 1

Pengiraan pendapatan berkanun

Pemberian atau subsidi	30,000
Pendapatan Perniagaan	<u>70,000</u>
Pendapatan kasar	100,000

Tolak

Perbelanjaan dibenarkan di bawah seksyen 33	<u>10,000</u>
Pendapatan larasan	90,000

Tolak

Elaun modal	<u>10,000</u>
Pendapatan berkanun	<u>80,000</u>

Langkah 2

Pengiraan pendapatan berkanun dikecualikan berhubung pemberian atau subsidi

Amaun pemberian atau subsidi diterima x Pendapatan
Pendapatan kasar perniagaan berkanun
(termasuk pemberian atau subsidi)

$$\frac{30,000}{100,000} \times 80,000 = 24,000$$

Langkah 3

Pengiraan pendapatan bercukai

Pendapatan berkanun 80,000

Tolak

Pendapatan berkanun dikecualikan (dari langkah 2) 24,000
56,000

Punca faedah (seksyen 4c) 14,000

Punca sewa (seksyen 4d) 20,000

Pendapatan dikenakan cukai 90,000

- (d) Perbelanjaan yang dibiayai daripada pemberian atau subsidi layak diberi potongan cukai di bawah seksyen 33(1) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 atau APP 1986.
- (e) Perolehan harta dan loji yang dibiayai daripada pemberian atau subsidi layak diberi elaun modal, elaun imbangan atau dikenakan kenan imbangan di bawah Jadual 3 ACP 1967.
- (f) Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 4) 2003 di batalkan mulai tahun taksiran 2006.

2.2 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No 22) 2006

- (a) Perintah ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2006 dan tahun tahun taksiran berikutnya.
- (b) Pengecualian cukai ke atas pemberian atau subsidi adalah pada peringkat pendapatan kasar kepada mana-mana orang yang menerima pemberian atau subsidi daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.
- (c) Orang tersebut hendaklah menyimpan rekod berasingan bagi pendapatan pemberian atau subsidi bagi memastikan kegunaannya selaras dengan tujuan pemberian tersebut.
- (d) Layanan khas atas potongan dan elaun.
 - (i) Perbelanjaan yang dibiayai oleh pemberian atau subsidi tidak layak diberi potongan cukai di bawah ACP 1967 atau APP1986.

Contoh 1:-

Syarikat A telah diluluskan pemberian atau subsidi sebanyak RM144,000 daripada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana (SMIDEC) dalam tahun 2009. Syarikat A telah melakukan perbelanjaan sebanyak RM144,000 daripada pemberian atau subsidi tersebut.

Syarikat A adalah dikecualikan cukai atas pemberian sebanyak RM144,000. Perbelanjaan sama ada bersifat hasil atau modal yang dibelanjakan daripada pemberian tersebut tidak layak dituntut didalam akaun untung rugi.

- (ii) Perolehan harta dan loji yang dibiayai oleh pemberian atau subsidi tidak layak diberi elaun modal, elaun imbangan atau dikenakan keaan imbangan di bawah Jadual 3 ACP 1967.

Contoh 2:-

Syarikat B telah diluluskan pemberian atau subsidi sebanyak RM200,000 daripada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana (SMIDEC) dalam tahun 2009 bertujuan untuk membeli mesin dan digunakan dalam perniagaan. Mesin dibeli dengan harga RM200,000.

Syarikat B dikecualikan cukai atas pemberian sebanyak RM200,000 dan tidak layak menuntut elaun modal ke atas perolehan aset tersebut

- (iii) Sebahagian daripada perbelanjaan dibiayai dengan keuntungan aktiviti perniagaan syarikat. Amaun tersebut layak di beri potongan cukai sekiranya mematuhi peruntukan di bawah ACP 1967 dan APP 1986.

Contoh 3:-

Syarikat C telah diluluskan pemberian atau subsidi sebanyak RM250,000 daripada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil Dan Sederhana (SMIDEC) dalam tahun 2009. Syarikat C telah melakukan perbelanjaan sebanyak RM300,000.

Syarikat C adalah dikecualikan cukai atas pemberian sebanyak RM250,000. Perbezaan diantara jumlah pemberian atau subsidi dengan perbelanjaan yang telah dilakukan sebanyak RM50,000 layak diberi potongan cukai sekiranya memenuhi ACP 1967 atau APP 1986.

Contoh 4:-

Syarikat D diluluskan pemberian atau subsidi oleh Kerajaan Persekutuan melalui SMIDEC untuk mendapatkan sijil perakuan di bawah Program Sistem Pengurusan Kualiti.

Di bawah seksyen 34(6)(*ma*) ACP 1967, perbelanjaan dibenarkan potongan dua kali ganda dalam tempoh asas tarikh sijil perakuan diperolehi.

Pemberian atau subsidi yang diterima adalah RM9,500 dan syarikat telah melakukan perbelanjaan untuk mendapatkan sijil perakuan di bawah perenggan 34(6)(*ma*) ACP 1967 sebanyak RM10,500. Perbezaan RM1,000 dibiayai dengan keuntungan aktiviti syarikat.

Syarikat D adalah dikecualikan cukai atas pemberian sebanyak RM9,500 dan layak menuntut perbelanjaan dibenarkan di bawah seksyen 34(6)(*ma*) ACP 1967 sebanyak RM2,000 (RM 1,000 x 2).

- (iv) Sebahagian daripada kos perolehan harta dan loji dibiayai dengan keuntungan aktiviti perniagaan syarikat. Amaun tersebut layak diberi elaun modal, elaun imbangan atau dikenakan keaan imbangan di bawah Jadual 3 ACP 1967.

Contoh 5:-

Syarikat E telah diluluskan pemberian atau subsidi sebanyak RM350,000.00 daripada Perbadanan Pembangunan Industri Keci Dan Sederhana (SMIDEC) dalam tahun 2009 bertujuan untuk membeli mesin dan digunakan dalam perniagaan . Mesin dibeli dengan harga RM380,000.

Syarikat E adalah dikecualikan cukai atas pemberian sebanyak RM350,000. Syarikat E hanya layak menuntut elaun modal ke atas perolehan aset tersebut sebanyak RM30,000 iaitu perbezaan diantara jumlah pemberian atau subsidi dengan kos mesin.

- (v) Perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dibayar ganti, kesemuanya atau sebahagiannya oleh pemberian atau subsidi:
- Perbelanjaan yang di bayar ganti kesemuanya tidak layak diberi potongan cukai di bawah ACP 1967 atau APP 1986.

Contoh 6:-

Syarikat F telah melakukan perbelanjaan sebanyak RM100,000 dalam tahun 2008 dan telah menuntut perbelanjaan tersebut dari SMIDEC. Jumlah yang dibenarkan tuntutan adalah sebanyak RM100,000. Syarikat tidak boleh menuntut perbelanjaan RM100,000 di dalam akaun untung rugi.

- Perbelanjaan yang dibayar sebahagian layak diberi potongan cukai di bawah ACP 1967 atau APP 1986.

Contoh 7:-

Syarikat G telah melakukan perbelanjaan sebanyak RM120,000 dan telah membuat tuntutan kepada SMIDEC dan diluluskan sebanyak RM 70,000. Syarikat layak menuntut perbelanjaan hasil sebanyak RM50,000 iaitu perbezaan diantara jumlah yang telah dibelanjakan dengan jumlah yang diluluskan SMIDEC.

- (vi) Jika perolehan aset yang dilakukan dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran di bayar ganti, kesemuanya atau sebahagiannya oleh pemberian atau subsidi:
- Kos perolehan aset yang di bayar ganti kesemuanya tidak layak diberi elaun modal, elaun imbangan atau dikenakan kenaikan imbangan di bawah ACP 1967 .

Contoh 8:-

Dalam tahun 2008, Syarikat H telah membeli aset berharga RM170,000 untuk digunakan dalam perniagaan. Syarikat telah menuntut perbelanjaan tersebut dari SMIDEC dan diluluskan adalah sebanyak RM170,000. Syarikat tidak layak menuntut elaun atas perolehan aset tersebut.

- Kos perolehan yang dibayar sebahagian layak diberi elaun modal, elaun imbangan atau dikenakan kenaikan imbangan di bawah ACP 1967.

Contoh 9:-

Dalam tahun 2008, Syarikat J telah membeli aset berharga RM200,000 untuk digunakan dalam perniagaan. Syarikat telah menuntut perbelanjaan tersebut daripada SMIDEC dan diluluskan adalah sebanyak RM120,000. Syarikat layak menuntut elaun modal sebanyak RM80,000 iaitu perbezaan diantara jumlah yang diluluskan SMIDEC dengan kos mesin.

2.3 Bilakah pemberian atau subsidi dikecualikan cukai

- (i) Setiap pemberian atau subsidi yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri adalah dikecualikan cukai dalam tahun taksiran ianya diterima.

Contoh 10:

Syarikat K telah memohon mendapatkan pemberian atau subsidi untuk peningkatan produk dan proses dari SMIDEC dan telah diluluskan sebanyak RM50,000 untuk tempoh projek selama dua belas bulan.

Syarikat menutup akaun pada 31 Disember setiap tahun.

Pemberian atau subsidi diterima pada 30 Januari 2008. Tempoh projek dibenarkan adalah 01/01/2008 hingga 31/12/2008.

Pemberian atau subsidi yang diterima sebanyak RM50,000 adalah dikecualikan dalam tahun taksiran 2008.

atau

- (ii) Sekiranya perbelanjaan telah dilakukan dalam tahun taksiran 2008 dan pemberian atau subsidi diterima dalam tahun taksiran 2009 maka pemberian atau subsidi dianggap diterima dalam tahun taksiran di mana perbelanjaan telah dilakukan iaitu dalam tahun taksiran 2008.

3. PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN PIHAK BERKUASA BERKANUN

3.1 PCP (Pengecualian) (No 4) 2003 berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2002 hingga 2005 dan diganti dengan PCP (Pengecualian) (No 22) 2006 berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2006.

3.2 Pendapatan Pihak Berkuasa Berkanun yang dikecualikan cukai di bawah PCP adalah:

- (i) pendapatan yang dikenakan dan dipungut mengikut peruntukan Akta yang mengawal selia pihak berkuasa berkanun itu, dan

Contoh 11:

Sewa dari penggunaan stadium yang diterima oleh Perbadanan Stadium Negara adalah dikecualikan cukai kerana kutipan adalah mengikut peruntukan Akta yang mengawal selia Perbadanan Stadium Negara.

- (ii) apa-apa derma atau sumbangan yang diterima.

3.3 Maksud Pihak Berkuasa Berkanun ialah *any authority or body established by or under a written law (not being an authority or body established under the Companies Act 1965 [Act 125], or any written law of a corresponding kind in force before the commencement of that Act in any place comprised in Malaysia on 1 January 1968) to discharge any functions for a public nature, including the provision of public utility and similar services.*

3.4 Layanan cukai terhadap pendapatan Pihak Berkuasa Berkanun adalah sama seperti pemberian atau subsidi yang diterima dari Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri

Bahagian Khidmat Nasihat
Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
26 Januari 2010